

GARIS PANDUAN ETIKA PENYELIDIKAN

Guidelines for Research Ethics



Pusat Pengurusan Penyelidikan
Research Management Centre
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

GARIS PANDUAN ETIKA PENYELIDIKAN

Guidelines for Research Ethics

Pusat Pengurusan Penyelidikan
Research Management Centre
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



Penerbit UMT
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
21030 Kuala Terengganu
Terengganu
2014

Garis Panduan Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu

© 2014 All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from the Director, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Hak Cipta Terpelihara © 2014. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia.

Diterbitkan oleh/*Published in Malaysia by*
Penerbit UMT,
Universiti Malaysia Terengganu,
21030 Kuala Terengganu,
Terengganu, Malaysia.

<http://www.umt.edu.my/penerbitumt>
E-mel: penerbitumt@umt.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

GARIS PANDUAN ETIKA PENYELIDIKAN – Guidelines for Research Ethics
ISBN 978-967-0524-66-5

1. Quantitative research--Moral and ethical aspects.
 2. Social science--Methodology--Moral and ethical aspects.
- 174.900142

Set in Arial

Reka bentuk: Penerbit UMT
Reka letak: Penerbit UMT

Kandungan

Pengenalan	1
SEKSYEN A:	
Panduan Permohonan dan Pengurusan Geran Penyelidikan	3
SEKSYEN B:	
Prinsip dan Pelaksanaan Etika Penyelidikan	7
SEKSYEN C:	
Etika Penyelidikan Terhadap Manusia	15
SEKSYEN D:	
Etika Penyelidikan Terhadap Haiwan	17
Penghargaan	27

GARIS PANDUAN ETIKA PENYELIDIKAN UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PENGENALAN

Garis Panduan Etika Penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ini diterbitkan hasil daripada Bengkel Penyediaan Etika Penyelidikan yang diadakan pada 20 – 22 Oktober 2011. Selaras dengan perkembangan UMT dalam membangunkan dan merencanakan aktiviti penyelidikannya, panduan umum ini diharapkan dapat menjadi rujukan utama kepada para penyelidik sebelum memulakan sesuatu projek penyelidikan. Panduan ini juga boleh dirujuk oleh para penyelidik sepanjang melaksanakan projek penyelidikan, malah diharapkan turut menjadi panduan selepas sesuatu hasil penyelidikan tersebut diperolehi.

Etika Penyelidikan ini mengandungi 4 Seksyen utama, iaitu;

- Panduan Permohonan dan Pengurusan Geran Penyelidikan;
- Prinsip dan Pelaksanaan Etika Penyelidikan; dan
- Etika Penyelidikan Terhadap Manusia
- Etika Penyelidikan Terhadap Haiwan

Penerbitan panduan ini akan sentiasa dikemaskini dan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi menjamin mutu dan etika penyelidikan UMT sentiasa berada di tahap yang terbaik. Semoga dengan adanya panduan ini, warga penyelidik UMT akan terus menjaga kualiti penyelidikan supaya penyelidikan di UMT setanding tarafnya dengan piawaian antarabangsa dan akhirnya diiktiraf.

SEKSYEN A

Panduan Permohonan dan Pengurusan Geran Penyelidikan

1.0 Tujuan

Panduan permohonan dan pengurusan geran penyelidikan merupakan garis panduan bagi pelaksanaan penyelidikan yang berkualiti dan berimpak tinggi seiring dengan visi dan misi universiti.

2.0 Definisi

- 2.1 **Penyelidikan** – Aktiviti bersistematik yang diguna pakai dalam menyelesaikan masalah yang akan menyumbang kepada penemuan ilmu pengetahuan, kemajuan manusia serta pembangunan negara.
- 2.2 **Geran** - Geran yang didaftarkan di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) seperti Science Fund (MOSTI), FRGS, Science Fund (MOA), Toray-MTSF, dan lain-lain geran yang diperolehi oleh universiti dan tidak termasuk geran yang diuruskan oleh anak syarikat UMT Jaya Holdings.
- 2.3 **Penaja** - Pihak yang menyumbangkan sejumlah peruntukan untuk membiayai penyelidikan.
- 2.4 **Penyelidik** - Individu/kumpulan yang terlibat melaksanakan penyelidikan.
- 2.5 **Ketua Penyelidik** – Individu yang mengetuai sesuatu projek penyelidikan.
- 2.6 **Pihak Berkuasa Universiti** – Merujuk kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang bertanggungjawab memantau geran penyelidikan yang berdaftar di bawah pusat berkenaan.
- 2.7 **Penyelidikan Antarabangsa** – Geran yang diperolehi melalui penaja dari luar Malaysia.

- 2.8 **Hak Harta Intelek (IPR)** - Harta Intelek termasuklah daya cipta, kerja yang mempunyai hak cipta dan tanda dagangan harta penyelidikan yang nyata. Ia adalah tidak terhad kepada perkara yang dilindungi oleh undang-undang statut atau perundangan seperti paten, hak cipta, rahsia perniagaan dan sijil perlindungan kepelbagaian tanaman. Selain itu, ia termasuklah dan tidak terhad juga kepada penjelmaan fizikal usaha intelektual seperti kertas cadangan, model (termasuklah model perniagaan), mesin, peralatan, reka bentuk, perkakas, instrumensi, litar, program komputer, penggambaran, bahan biologi, komposisi jirim dan tumbuhan.

3.0 Peraturan Umum

- 3.1 Semua penyelidikan mesti didaftarkan dengan pihak berkuasa universiti.
- 3.2 Pihak penyelidik mestilah bertanggungjawab menjalankan penyelidikan berdasarkan polisi/garis panduan etika yang ditetapkan oleh universiti dan juga penaja.
- 3.3 Pihak berkuasa universiti bertanggungjawab mengurus dan memantau pelaksanaan projek penyelidikan tertakluk kepada peraturan penaja.
- 3.4 Bagi penyelidikan antarabangsa, pihak universiti dan penyelidik hendaklah menghormati dan mematuhi peraturan serta garis panduan semasa termasuklah yang ditetapkan oleh penaja selagi tidak bercanggah dengan kepentingan negara.
- 3.5 Para penyelidik, universiti dan penaja mestilah memperolehi manfaat bersama daripada aktiviti penyelidikan yang dijalankan tertakluk kepada peruntukan dalam dokumen perjanjian yang ditandatangani.
- 3.6 Semua perolehan dan dapatan hasil kajian termasuk aset, hak harta intelek (IPR), penerbitan, data kajian dan yang seumpamanya adalah menjadi milik universiti dan penaja (jika perlu).

- 3.7 Sebarang bentuk penglibatan penyelidik dalam kerja-kerja kolaborasi penyelidikan dengan universiti/institut/pusat luar perlu dimaklumkan kepada pihak berkuasa universiti.
- 3.8 Sekiranya kerja-kerja kolaborasi penyelidikan mempunyai kepentingan ke atas Hak Harta Intelek (IPR) atau seumpamanya, penyelidik perlu merujuk kepada pihak berkuasa universiti.
- 3.9 Semua penyelidikan yang melibatkan pelajar atau pembantu penyelidik mestilah mematuhi peraturan universiti yang berkaitan dan berkuat kuasa.

4.0 Permohonan dan Pengurusan Geran Penyelidikan

- 4.1 Semua permohonan geran penyelidikan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang melibatkan penyelidik universiti mestilah melalui pihak berkuasa universiti.
- 4.2 Bagi permohonan dan penerimaan geran yang tidak perlu melalui pihak berkuasa universiti, para penyelidik mestilah memaklumkan kepada pihak berkuasa universiti.
- 4.3 Pihak berkuasa universiti hendaklah memantau pelaksanaan projek penyelidikan dan memastikan kepatuhan kepada garis panduan penaja dan pihak berkuasa universiti.
- 4.4 Semua penyebaran hasil penyelidikan (tetapi tidak terhad kepada apa-apa kaedah) termasuklah bahan bertulis, muzikal atau komposisi dramatik, fotografi, filem, transparensi atau alat bantuan yang lain, video atau pita audio dan kaset, rakaman bunyi, perisian komputer, elektronik, internet, algoritma, lukisan, *blue print* atau kerja grafik yang lain.
- 4.5 Manakala bagi dapatan penyelidikan yang nyata pula termasuklah (tetapi tidak terhad) kepada bahan-bahan yang nyata selain daya cipta oleh mana-mana kakitangan universiti. Bahan nyata tersebut termasuklah, tetapi tidak terhad kepada antibodi, *cell-lines*, *microorganisms bar*, *Plant lines* atau genetiknya, rekombinan atau bahan-bahan biologi yang lain, sebatian kimia, peralatan atau prototaip.

- 4.6 Projek yang mempunyai hasil penyelidikan berpotensi untuk dikomersialkan, penyelidik perlulah merujuk pihak berkuasa universiti sebelum membuat sebarang penyebaran dapatan hasil kajian.
- 4.7 Pelaksanaan IPR adalah dirujuk kepada polisi harta intelek universiti.

SEKSYEN B

Prinsip dan Pelaksanaan Etika Penyelidikan

1.0 Pengenalan

Penyelidikan beretika dan beramanah amat digalakkan dan haruslah berpandukan kepada budaya penyelidikan universiti. Budaya penyelidikan universiti yang baik adalah:

- Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti.
- Menghormati subjek penyelidikan (manusia, haiwan, persekitaran) yang digunakan.
- Menggunakan dana awam/swasta secara berhemah.
- Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.

2.0 Objektif:

- 2.1 Meningkatkan kerjasama antara penyelidik dalam dan luar universiti.
- 2.2 Meningkatkan kebolehpercayaan pemberi dana awam/swasta dalam melaksanakan penyelidikan universiti.
- 2.3 Menghasilkan penyelidikan yang asli dan bermutu tinggi dalam persekitaran yang kondusif.
- 2.4 Menyediakan garis panduan etika penyelidikan yang jelas kepada semua penyelidik universiti.

3.0 Skop Etika Penyelidikan:

- 3.1 Prinsip am etika penyelidikan.
- 3.2 Pengurusan data penyelidikan.
- 3.3 Penerbitan dan penyebaran dapatan kajian.
- 3.4 Hak milik pengarang.
- 3.5 Semakan keserakanan dan panel pakar.
- 3.6 Konflik kepentingan.
- 3.7 Kerjasama penyelidikan di dalam dan luar universiti.
- 3.8 Salah laku dalam penyelidikan.

4.0 Prinsip Am Etika Penyelidikan

- 4.1 Tanggungjawab universiti dalam penyelidikan beretika.
 - a) Mengamalkan praktis dan governan terbaik dalam penyelidikan.
 - b) Mengadakan latihan etika penyelidikan kepada staf universiti.
 - c) Menyediakan sistem penasihat dan pementoran kepada staf universiti.
 - d) Keselamatan persekitaran.
 - e) Kerjasama dan perkongsian sumber dalam kalangan institut/fakulti.

- 4.2 Tanggungjawab penyelidik dalam penyelidikan beretika.
 - a) Memastikan tahap penyelidikan beretika yang tinggi.
 - b) Tanggungjawab pelaporan.
 - c) Hak manusia sebagai subjek kajian.
 - d) Penggunaan haiwan sebagai bahan kajian.
 - e) Memelihara persekitaran.
 - f) Melaporkan salah laku dalam penyelidikan.

5.0 Pengurusan Data Penyelidikan

- 5.1 Tanggungjawab universiti dalam pengurusan data penyelidikan.
 - a) Menyimpan data penyelidikan dan bahan primer.
 - b) Menyediakan kemudahan penyimpanan rekod dan data penyelidikan yang selamat.
 - c) Mengenal pasti hak milik data penyelidikan dan bahan primer.
 - d) Memastikan keselamatan dan kerahsiaan data penyelidikan dan bahan primer.

- 5.2 Tanggungjawab penyelidik dalam pengurusan data penyelidikan
- a) Menyimpan data penyelidikan dan bahan primer.
 - b) Mengurus penyimpanan data penyelidikan dan bahan primer.
 - c) Menjaga kerahsiaan data penyelidikan dan bahan primer.

6.0 Penerbitan dan Penyebaran Dapatan Kajian

- 6.1 Tanggungjawab universiti dalam penerbitan dan penyebaran dapatan kajian.
- a) Menggalakkan penerbitan dan penyebaran dapatan kajian secara beretika.
 - b) Memelihara kerahsiaan dan mengurus harta intelek.
 - c) Menyokong penyebaran dapatan kajian kepada masyarakat.
- 6.2 Tanggungjawab penyelidik dalam penerbitan dan penyebaran dapatan kajian.
- a) Menyebarkan keseluruhan dapatan kajian secara beretika.
 - b) Memastikan ketepatan dalam penulisan dan penyebaran.
 - c) Memetik dan menyatakan (*citation*) sumber penulisan pengarang lain secara tepat dan menyeluruh.
 - d) Menghantar dapatan kajian yang sama kepada beberapa penerbit.
 - e) Memohon kebenaran untuk menerbit semula.
 - f) Menyatakan bantuan penyelidikan secara tepat.
 - g) Mendaftar ujian klinikal.
 - h) Bertanggungjawab dalam menyebarkan dapatan kajian kepada masyarakat.

7.0 Hak Milik Pengarang

- 7.1 Tanggungjawab universiti terhadap hak milik pengarang.
 - a) Menyediakan kriteria untuk pengarang.

- 7.2 Tanggungjawab penyelidik terhadap hak milik pengarang
 - a) Mematuhi polisi hak milik pengarang.
 - b) Mendapatkan persetujuan semua pengarang yang terlibat.
 - c) Melibatkan semua pengarang.
 - d) Tidak membenarkan pengarang yang tidak berkaitan.
 - e) Menghargai semua penyumbang.
 - f) Memanjangkan polisi hak milik pengarang kepada penerbitan laman sesawang.
 - g) Menyimpan dokumen persetujuan pengarang untuk semua penerbitan.

8.0 Semakan Keserakanan dan Panel Pakar

- 8.1 Tanggungjawab universiti terhadap semakan keserakanan dan panel pakar.
 - a) Menggalakkan penglibatan semakan keserakanan.

- 8.2 Tanggungjawab rakan penyemak terhadap semakan keserakanan dan panel pakar.
 - a) Melaksanakan semakan keserakanan secara beretika.

- 8.3 Tanggungjawab penyelidik terhadap semakan keserakanan dan panel pakar.
 - a) Tidak campur tangan semasa proses semakan keserakanan.
 - b) Mengambil bahagian dalam semakan keserakanan.
 - c) Memberi latihan pementoran kepada penyelidik muda dalam semakan keserakanan.
 - d) Mengisytihar konflik kepentingan.

9.0 Konflik Kepentingan

- 9.1 Tanggungjawab universiti terhadap konflik kepentingan.
- a) Mewujudkan dan memelihara polisi konflik kepentingan.
 - i) Memastikan polisi yang jelas dan mudah diakses dalam kalangan staf.
 - ii) Menggalakkan laporan menyeluruh dan telus dalam isu konflik kepentingan.
 - iii) Orang berkepentingan tidak terlibat dalam proses membuat keputusan dalam isu konflik kepentingan.
 - iv) Rekod dipelihara bagi setiap kes konflik kepentingan.
 - v) Polisi perlu merangkumi semua aspek konflik kepentingan.
- 9.2 Tanggungjawab penyelidik terhadap konflik kepentingan.
- a) Mengisytiharkan konflik kepentingan.
 - b) Pendekatan menguruskan konflik kepentingan.
 - i) Memahami polisi etika penyelidikan universiti.
 - ii) Menyimpan rekod dan aktiviti yang mendorong kepada konflik kepentingan, seperti perundingan, keahlian dalam jawatankuasa, lembaga pengarah, kumpulan penasihat, dan lain-lain.
 - iii) Mengisytiharkan kemungkinan konflik kepentingan jika dijemput untuk menyertai sesuatu jawatankuasa universiti.
 - c) Bersedia menarik diri sekiranya konflik kepentingan tidak dapat diisytiharkan.

10.0 Kerjasama Penyelidikan di Dalam dan Luar Universiti

- 10.1 Tanggungjawab universiti terhadap kerjasama penyelidikan di dalam dan luar universiti.
- a) Mewujudkan dokumen persetujuan untuk setiap kerjasama penyelidikan.

- b) Menguruskan konflik kepentingan.
 - c) Mengenal pasti pegawai bertanggungjawab terhadap akses kepada bahan penyelidikan.
- 10.2 Tanggungjawab penyelidik terhadap kerjasama penyelidikan di dalam dan luar universiti.
- a) Mengisytiharkan hasrat mengadakan kerjasama penyelidikan di dalam dan luar universiti, dan sumbangan terhadap kerjasama tersebut.
 - b) Hasil daripada kerjasama penyelidikan yang melibatkan IPR hendaklah merujuk kepada polisi harta intelek universiti.
 - c) Mematuhi persetujuan di antara pelbagai agensi yang terlibat.
 - d) Mengisytiharkan konflik kepentingan.

11.0 Salah Laku dalam Penyelidikan

Berikut adalah salah laku dalam penyelidikan:

- 11.1 Mengada-adakan data: Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuaiian dalam pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan menggugurkan data bagi tujuan penipuan.
- 11.2 Memalsukan penyelidikan: Menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan, membuat kenyataan yang keterlaluan, mengetepikan laporan kajian terdahulu.
- 11.3 Plagiarisme: Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain, meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan.
- 11.4 Gagal memberi penghargaan: Tidak mengendahkan dan gagal memberi penghargaan kepada sumber bahan kajian.

SEKSYEN B: Prinsip dan Pelaksanaan Etika Penyelidikan

- 11.5 Menyalahgunakan kerahsiaan: Mengambil dan menerbitkan idea dan data yang dikongsi bersama (contoh: menggunakan dapatan data kajian yang sulit tanpa kebenaran, mencuri idea daripada saranan projek geran penyelidikan, permohonan anugerah atau penerbitan manuskrip).
- 11.6 Ketidakjujuran dalam penerbitan: Menerbitkan bahan yang tidak benar (contoh: melapor data secara salah dari segi keaslian, melapor kemajuan penyelidikan secara tidak benar, menambah pengarang yang tidak sepatutnya atau menambah pengarang tanpa kebenaran mereka, memasukkan pengarang yang tidak berkait, atau menggugurkan penyelidik utama sebagai pengarang bersama).
- 11.7 Menceroboh harta awam: Mencuri atau memusnahkan harta awam, seperti kertas penyelidikan, bahan bekalan, peralatan, atau produk penyelidikan.
- 11.8 Menyalahgunakan dana penyelidikan: Gagal membelanjakan dana penyelidikan sepertimana yang terdapat dalam dokumen kontrak dan/atau gagal menyimpan rekod perbelanjaan secara betul dan baik.
- 11.9 Penganiayaan subjek kajian: Gagal mendapat persetujuan responden kajian, gagal melindungi hak responden, dan melindungi kerahsiaan responden dengan tidak menyatakan nama responden dan melindungi kerahsiaan sumber maklumat.
- 11.10 Penganiayaan subjek haiwan: Gagal melayani haiwan dengan baik.
- 11.11 Gagal melaporkan salah laku penyelidikan yang serius.
- 11.12 Bertindak sendiri: Mengambil tindakan yang tidak berpatutan terhadap individu yang melapor pelanggaran etika penyelidikan.
- 11.13 Salah laku penyelidikan tidak termasuk kesilapan interpretasi atau penilaian data yang tidak disengajakan.

11.14 Prosedur Aduan:

- a) Dalam kes salah laku penyelidikan, staf dan pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib.
- b) Kesemua aduan salah laku penyelidikan perlu diadakan kepada Ketua Jabatan berkenaan.
- c) Adalah menjadi tanggungjawab Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan untuk membuat laporan kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) mengenai aduan salah laku tersebut dengan salinan kepada Pendaftar, dan Ketua PTJ berkenaan. Kesemua laporan dan aduan mestilah dibuat secara bertulis.
- d) Dalam kes salah laku melibatkan Ketua PTJ, aduan mestilah dibuat secara bertulis terus kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi).
- e) Apa jua tindakan selanjutnya yang berkait dengan penyiasatan, arbitrase dan keputusan adalah berpandukan prosedur tatatertib universiti.

SEKSYEN C

Etika Penyelidikan Terhadap Manusia

1.0 Definisi

Kod etika pengajaran, penyelidikan dan penilaian yang melibatkan manusia diwujudkan bagi memastikan segala aktiviti-aktiviti pengajaran, penyelidikan dan penilaian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik memenuhi aspek-aspek penghormatan terhadap privasi dan kerahsiaan.

2.0 Objektif

Untuk menjelaskan tentang penyelidikan yang berkaitan manusia.

3.0 Antara terma-terma yang perlu ada di dalam kajian yang berkaitan dengan manusia ialah:

3.1 Menghormati privasi dan kerahsiaan

- a) Menghormati individu termasuklah maruah, kepercayaan (termasuk keagamaan dan budaya), privasi dan autonomi; dan memberi perlindungan istimewa kepada golongan yang kurang berkemampuan.
- b) Individu berhak menolak untuk menjadi peserta penyelidikan tanpa memberi alasan.
- c) Individu yang menyertai projek, pengajaran dan penilaian program penyelidikan mestilah secara sukarela dan memahami maklumat yang akan dikumpul serta bentuk penglibatannya.
- d) Sebelum individu memberi persetujuan untuk menjadi peserta, penyelidik bertanggungjawab untuk menjelaskan maklumat terperinci dan implikasi penyertaan mereka.
- e) Persetujuan dalam bentuk penulisan dan rakaman yang telah dibuat mestilah disimpan oleh penyelidik dengan selamat.

3.2 Risiko kemudaratan kepada kumpulan/komuniti/institusi

- a) Di dalam penyertaan penyelidikan, penyelidik mestilah mengenalpasti dan meminimumkan kemudaratan fizikal, psikologi, sosial dan ekonomi kepada peserta.
- b) Penyelidik tidak dibenarkan mengeksploitasi individu yang mudah terdedah kepada kejutan dan kurang berupaya mempertahankan kepentingan dirinya.

4.0 Privasi dan Kerahsiaan

- 4.1 Maklumat sulit mesti dirahsiakan kecuali dalam keadaan di mana keterbukaannya boleh mengelakkan kemudaratan.
- 4.2 Maklumat rahsia yang diberi kepada penyelidik hanya boleh disebar kepada orang lain dengan izin pemberi maklumat tersebut.
- 4.3 Tahap kerahsiaan maklumat ditentukan oleh peserta penyelidikan dan mesti dipatuhi oleh penyelidik.

5.0 Faedah dan Kemudaratan

- 5.1 Penyelidik bertanggungjawab untuk memaksimumkan faedah dan meminimumkan kemudaratan projek penyelidikan.

SEKSYEN D

Etika Penyelidikan Terhadap Haiwan

1.0 Definisi

1.1 Definisi Haiwan

“Haiwan” – bermaksud

- a) **Mana-mana makhluk hidup yang menjadi anggota alam haiwan iaitu**
 - i) mamalia; atau
 - ii) burung; atau
 - iii) reptilia; atau
 - iv) amfibia; atau
 - v) ikan (bertulang atau berawan); atau
 - vi) invertebrata
 - vii) mana-mana anggota alam haiwan yang akan diumumkan dari semasa ke semasa.
- b) **Termasuk** sebarang janin mamalia dari senarai dalam para (i)
- c) **Tidak termasuk**
 - i) manusia; atau
 - ii) kecuali seperti mana yang dinyatakan dalam para (ii) atau para (iii) definisi ini, mana-mana haiwan pada peringkat pranatal, pratetas, larva, atau lain-lain peringkat perkembangan yang sepertinya.

1.2 Tanggungjawab

- a) Semua orang yang terlibat bertanggungjawab ke atas kesejahteraan haiwan.
- b) Setiap penyelidik dan mereka yang ada kaitan dengan sesuatu projek (staf, GRA, RA atau pelajar) perlu mengikuti latihan yang bersesuaian tentang teknik dan pengendalian haiwan makmal.

2.0 Kebersihan

- 2.1 Haiwan perlu dijaga, diberi makan dan minum dan dikendalikan dalam keadaan penjagaan kesihatan yang bersesuaian dengan keperluan-keperluan khusus sesuatu spesies itu.
- 2.2 Penjagaan khusus perlu dilaksanakan bagi mengelakkan penyebaran jangkitan antara haiwan melalui bendasing yang boleh memindahkan kuman, parasit dan lain-lain.
- 2.3 Persekitaran fizikal tempat tinggal dan tidur haiwan di tempat haiwan tersebut dipelihara atau dibiakkan perlu kerap diperiksa dan tindakan yang sepatutnya segera diambil.

3.0 Reka bentuk Eksperimen/Ujikaji

3.1 Saiz Sampel (Kuantiti)

- a) Eksperimen/ujikaji perlu berasaskan reka bentuk yang bersesuaian dan dilaksanakan ke atas jumlah haiwan yang paling kurang (minima).
- b) Prinsip mengurangkan jumlah haiwan yang digunakan janganlah sampai mengakibatkan penderitaan yang lebih teruk ke atas haiwan secara individu.
- c) Sebaik-baiknya, teknik dan prosedur yang diguna pakai mestilah merangkumi sistem biologi *in vitro* yang membolehkan penggunaan jumlah terkecil bilangan haiwan.

3.2 Kualiti, Pengesahan Data & Reka Bentuk Statistik

- a) Haiwan yang dipilih untuk tujuan eksperimen/ujikaji perlulah dari spesis yang bersesuaian dan berkualiti.
- b) Bilangan minima haiwan diperlukan untuk memperoleh keputusan yang sah secara saintifiknya.

3.3 Perolehan Haiwan

- a) Haiwan perlulah diperolehi dari program-program pembiakan khusus seboleh mungkin.
- b) Haiwan lain yang tidak dibiak secara khusus boleh digunakan hanya jika haiwan tersebut memenuhi

syarat penyelidikan, dan diperoleh secara sah dari segi perundangan.

3.4 Penangkapan Haiwan Liar

- a) Hidupan liar tidak sepatutnya diambil dari habitat semula jadinya kecuali apabila haiwan yang dipelihara dalam kurungan sukar diperoleh atau didapati tidak sesuai bagi tujuan khusus penyelidikan tersebut.
- b) Permit yang bersesuaian perlu diperoleh daripada Pihak Berkuasa Tempatan sebelum penangkapan haiwan tersebut (hidupan liar, hutan simpan dll.) dibuat.

3.5 Teknik penangkapan perlulah berperikemanusiaan serta mengambil kira soal kesihatan, kebajikan dan keselamatan manusia dan haiwan.

3.6 Spesis Terancam dan Dalam Bahaya

- a) Bergantung kepada Ordinan Haiwan dan tertakluk kepada penyemakan semula.
- b) Spesis yang terancam hanya boleh digunakan dalam keadaan-keadaan terkecuali berdasarkan alasan saintifik yang kukuh bahawa keputusan yang dikehendaki /diingini tidak mungkin diperoleh jika menggunakan haiwan lain.

3.7 Tahap Kesihatan

- a) Tahap kesihatan haiwan perlulah diketahui sebelum memulakan sesuatu penyelidikan.
- b) Apabila perlu, pemantauan rutin kesihatan haiwan, tahap mikrobiologi dan parasitologi koloni haiwan ujikaji serta usaha mengadakan program pencegahan penyakit adalah penting untuk memastikan keputusan eksperimen dapat diulang.

3.8 Rekod

- a) Para pengkaji/penyelidik dan mereka yang terlibat perlulah memastikan ada rekod penggunaan dan pemantauan haiwan untuk tujuan saintifik.
- b) Semua rekod tersebut perlu menyediakan butiran penuh dan tepat tentang haiwan, sumber, penggunaan, pelupusan, teknik penangkapan dan maklumat-maklumat lain yang berkaitan.
- c) Semua rekod ini perlu disimpan selama sekurang-kurangnya 5 tahun.
- d) Semua rekod mesti sentiasa tersedia untuk diperiksa apabila dipinta.

3.9 Haiwan yang Diangkut

- a) Haiwan perlu diangkut secara berperikemanusiaan serta dalam keadaan bersih seperti mana yang diperlukan oleh keperluan fisiologi dan tingkah laku haiwan tersebut.
- b) Tempoh masa yang diperlukan bagi pengangkutan haiwan perlu dipastikan sesingkat mungkin.
- c) Aspek proses pengangkutan perlu diambil kira, termasuk laluan dan pelan perjalanan, reka bentuk kurungan, reka bentuk kenderaan, kecekapan dan sikap pemandu dan mereka yang terlibat dalam pengangkutan, tempoh perjalanan, ciri dan kaedah penyediaan makanan dan minuman serta rancangan penyesuaian/aklimatisasi selepas pengangkutan.
- d) Pihak pembekal mahupun penerima bekalan haiwan, kedua-duanya perlu memastikan wujud prosedur penghantaran yang memuaskan yang berakhir dengan haiwan diterima oleh pihak yang bertanggungjawab.

3.10 Gangguan/Kecederaan Fisiologi dan Fizikal

- a) Cadangan penyelidikan perlu menyediakan alasan yang cukup tentang kesan yang mungkin terjadi akibat sebarang gangguan/kecederaan ke atas fisiologi haiwan serta sebab-sebab gangguan/kecederaan berlaku.
- b) Dalam cadangan penyelidikan tersebut, penyelidik perlu memaklumkan sebarang kemungkinan kesan sampingan gangguan dan kesan ke atas kebajikan/kesejahteraan haiwan yang timbul akibat gangguan fisiologi atau kecederaan.
- c) Penyelidik perlu menyediakan butiran pemantauan bagi sebarang kesan buruk yang dijangka atau yang di luar jangka yang mungkin timbul akibat gangguan/kecederaan ke atas haiwan.

3.11 Ujian Toksikologi

- a) Alasan yang khusus mesti dikemukakan bagi penggunaan haiwan dalam prosedur toksikologi yang mungkin mendatangkan kesan pada tahap yang lebih teruk daripada yang sepatutnya, dan butiran penerangannya mestilah mendapat kelulusan jawatankuasa yang dilantik.
- b) Jika bersesuaian, kalau ada terdapat kaedah ujian tanpa haiwan, maka kaedah tersebut mesti diutamakan. Khususnya, kaedah *in vitro* perlu digunakan untuk ujian saringan awal bila dan di mana perlu.
- c) Titik akhir kajian toksikologi mestilah seawal yang mungkin bersesuaian dengan penilaian toksikologi yang boleh dipercayai serta mesti meminimakan tahap kesakitan dan kesusahan. Para penyelidik mesti menghalang kesakitan, kesusahan dan kelambatan kematian haiwan kecuali tiada lain pilihan penamatan yang dapat difikirkan sesuai dan matlamat projek tersebut ialah untuk pencegahan, pengurangan/pelegaian atau penyembuhan penyakit atau situasi yang mengancam nyawa manusia dan haiwan.
- d) Jika kematian tidak dapat dielakkan pada titik akhir kajian, projek tersebut mestilah direka bentuk supaya jumlah kematian haiwan seminima yang mungkin.

3.12 Penamatan Hayat Berperikemanusiaan

- a) Semua haiwan mestilah dibunuh mengikut kaedah yang bersesuaian.

4.0 Eksperimen Melibatkan Pembedahan

4.1 Anaesthesia & Analgesia

- a) Jika perlu, prosedur melalui anaesthesia dan/atau analgesik dan/atau lain-lain yang bersesuaian diperlukan untuk meminimalkan kesakitan, penderitaan, kesusahan atau kemudaratan yang diakibatkan serta untuk memastikan tiada haiwan yang mengalami kesakitan, kesusahan atau penderitaan.
- b) Semua haiwan yang menjalani proses anaesthesia perlu dipantau secara berterusan oleh kakitangan yang terlatih.

4.2 Pembedahan

- a) Prosedur pembedahan mestilah dilakukan melalui anaesthesia lokal atau umum dan mesti dilakukan oleh kakitangan yang telah menjalani latihan dan memiliki pengalaman yang sesuai.

4.3 Penjagaan Pascapembedahan

- a) Keselesaan haiwan mestilah diutamakan sepanjang tempoh pascapembedahan.
- b) Perhatian perlu diberi terhadap (tindak balas) *wrath* kebersihan, pengambilan cecair dan makanan serta pengawalan jangkitan.
- c) Haiwan yang sedang pulih dari kesan anesthesia perlu ditempatkan dalam keadaan haiwan tersebut tidak boleh mencederakan dirinya melalui pergerakan yang tidak terkawal. Haiwan tersebut juga tidak boleh ditempatkan dalam sangkar/kurungan bersama-sama haiwan lain kerana ini berkemungkinan menimbulkan kemarahan spesis lain yang seterusnya bertindak menyerang atau membunuh haiwan tersebut.

4.4 Penggunaan Semula Haiwan

- a) Untuk mengurangkan penderitaan, haiwan tidak akan dibiarkan menjalani prosedur yang melebihi kadar yang diperlukan untuk mencapai objektif penyelidikan, ujian dan pengajaran.
- b) Jika ternyata haiwan itu memerlukan beberapa prosedur, maka maklumat tersebut mestilah dikemukakan untuk perhatian Jawatankuasa Etika Haiwan ketika memohon kelulusan sesuatu prosedur itu.
- c) Semasa mempertimbangkan penggunaan semula haiwan, faktor-faktor berikut perlu diambil kira:
 - i) Kesakitan atau penderitaan serta kemungkinan kesan kumulatif jangka panjang akibat sebarang prosedur yang dijalani sebelumnya.
 - ii) Keseluruhan tempoh penggunaan haiwan tersebut, kesakitan dan penderitaan yang mungkin diakibatkan oleh prosedur yang berikut dan seterusnya.
 - iii) Sama ada haiwan itu sudah pulih sepenuhnya daripada prosedur yang terdahulu sebelum digunakan dalam prosedur berikutnya.

4.5 Pelupusan Haiwan Hidup

- a) Pemulangan haiwan ke tempat asal: haiwan yang diperoleh dari ladang, pusat penetasan, rumah dan lain-lain tidak boleh dipulangkan ke tempat asalnya kerana berisiko tinggi mencetuskan penyakit berjangkit di tempat asalnya.
- b) Pelepasan haiwan ke habitat liar/hutan: haiwan yang diperoleh dari alam semula jadi perlu dipulangkan semula ke tempat asalnya hanya atas nasihat pihak berkuasa hidupan liar berkenaan. Haiwan yang bukan penghuni asal/bukan natif, sebarang jenis vertebrat yang dijinakkan serta yang dipelihara di dalam sangkar tidak boleh dilepaskan ke habitat liar/hutan.
- c) Pelepasan haiwan kepada pelajar: Amalan membenarkan pelajar membawa pulang haiwan eksperimen/ujikaji

(hidup atau mati) sebagai haiwan peliharaan atau untuk tujuan-tujuan lain tidak digalakkan. Perkara ini tidak sepatutnya dibenarkan atas sebab kemungkinan berlakunya penyebaran penyakit zoonotik.

4.6 Euthanasia dan Penamatan Eksperimen

- a) Kematian mesti disahkan berlaku sebelum bangkai dilupuskan.
- b) Pembunuhan/penakaian dan pelupusan haiwan mestilah dilakukan melalui kaedah yang bersesuaian atau kaedah-kaedah lain yang telah diluluskan oleh jawatankuasa etika haiwan.
- c) Euthanasia perlu dilakukan oleh seseorang yang terlatih. Pilihan kaedahnya bergantung kepada spesies haiwan dan projek yang menggunakan haiwan tersebut.
- d) Euthanasia mestilah disempurnakan secara berperikemanusiaan, bersesuaian dengan spesies tersebut, dan dengan cara yang dapat memastikan kematian segera.
- e) Pelupusan haiwan yang telah menjalani euthanasia perlu disempurnakan dengan cara yang selaras dengan undang-undang dan peraturan berkaitan, juga selaras dengan kepentingan kesihatan, sekitaran dan estetik, serta diluluskan oleh jawatankuasa penjagaan haiwan. Semua haiwan mestilah disahkan kematiannya sebelum dilupuskan.

5.0 Genetik, Eksperimen Bioteknologi Penggabungan Semula Bahan DNA

5.1 Bioteknologi

- a) Cadangan *proposal* perlu menyediakan maklumat secukupnya tentang kemungkinan kesan pengenalan gen baharu, atau mengubah sifat gene sedia ada ke atas semua haiwan yang terlibat dalam program pembiakan,

juga alasan untuk mencipta haiwan yang diubah secara genetiknya.

- b) Dalam cadangan penyelidikan, penyelidik mestilah memaklumkan sebarang kemungkinan kesan sampingan manipulasi genetik yang mungkin membawa kesan negatif ke atas kesejahteraan haiwan induk atau anak-anaknya serta kaedah yang akan digunakan untuk menghadapi kemungkinan-kemungkinan tersebut.
- c) Penyelidik perlu menyediakan maklumat yang rapi tentang kesan buruk yang mungkin timbul akibat modifikasi genetik.
- d) Rekod mestilah disimpan mengikut syarat-syarat "*biocontainment*", maklumat genetik dan fenotipik, dan pengenalan individu, dan perlu dimaklumkan oleh pembekal haiwan kepada penerimanya.

6.0 Penyimpanan Haiwan Untuk Pencerapan

6.1 Tempoh Penyimpanan/ Pencerapan

- a) Setiap haiwan perlulah disimpan dalam tempoh masa yang paling singkat (minima) dan selaras dengan pencapaian objektif saintifik atau pendidikan.

6.2 Staf

- a) Penyelidik, pelajar dan staf penjagaan haiwan mestilah dilatih untuk mengendalikan haiwan secara berperikemanusiaan.
- b) Latihan perlu merangkumi maklumat tentang tingkah laku normal/lazim spesis berkenaan dan kemungkinan tindak balasnya dalam tawanan.

6.3 Penempatan

- a) Kawasan atau bekas untuk menyimpan haiwan mestilah selamat, tidak bising dan bersih selaras dengan piawaian semasa antarabangsa (contohnya: NIH).

- b) Peralatan yang berupa kurungan tertutup seperti beg dan peti mestilah:
 - i) Membenarkan haiwan berehat secara selesa.
 - ii) Mengurangkan risiko terlepas atau kecederaan.
 - iii) Mempunyai aliran pengudaraan secukupnya.
 - iv) Mengekalkan haiwan dalam tahap cahaya dan suhu sekeliling yang sesuai.
 - v) Kelembapan.
 - vi) Mengurangkan risiko jangkitan penyakit.

6.4 Makanan dan air

- a) Haiwan perlu diberi makanan yang sedap, tidak tercemar, dan seimbang dari segi khasiatnya, juga air minuman yang tidak tercemar dalam kuantiti yang secukupnya untuk keperluan harian haiwan tersebut serta selaras dengan matlamat penyelidikan.
- b) Perhatian tambahan perlu diberi untuk menyediakan bilangan bekas makanan dan minuman yang mencukupi untuk penempatan/kemudahan haiwan termasuk juga tentang pengisian, pengisian semula serta pembersihan dan susunannya dalam penempatan/kemudahan itu dengan mengambil kira tabiat pemakanan haiwan tersebut.

Nota:

Universiti berhak mengubah etika penyelidikan ini tertakluk kepada keperluan dan perkembangan semasa.

PENGHARGAAN

Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan panduan ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada:

- Prof. Dr. Norhayati Mohd Tahir,
Mantan Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UMT;

serta semua yang terlibat dalam Bengkel Penyediaan Etika Penyelidikan yang diadakan pada 20 – 22 Oktober 2011 di Hotel Renaissance, Kota Bharu dan sumbangan dalam menghasilkan panduan ini, sepertimana berikut:

Kumpulan 1: Panduan Permohonan dan Pengurusan Geran Penyelidikan

Prof. Dr. Nora'aini Haji Ali
Prof. Madya Dr. Mohd Zamri Ibrahim
Prof. Madya Dr. Marinah Mohd Ariffin

Kumpulan 2: Prinsip dan Pelaksanaan Etika Penyelidikan

Prof. Ir. Dr. Ahmad Jusoh
Prof. Madya Dr. Fauziah Haji Abu Hasan
Prof. Madya Dr. Noraien Mansor
Prof. Madya Dr. Hii Yi Siang
Dr. Mohd Nizam Lani

Kumpulan 3: Etika Penyelidikan Terhadap Manusia

Prof. Dr. Mohd Shaladdin Muda
Prof. Madya Dr. Fadzli Adam
Prof. Madya Dr. Mohd Anuar Amin

Kumpulan 4: Etika Penyelidikan Terhadap Haiwan

Prof. Dr. Nakisah Mat Amin
Prof. Madya Dr. Zaleha Kassim
Prof. Madya Dr. Mariam Taib
Prof. Madya Dr. Najiah Musa
Dr. Muhd. Danish Daniel Abdullah
Dr. Nadirah Musa
Dr. Marina Hassan
Dr. Safiah Jasmani

Urus Setia :

Mohd Izham Mohd A. Wahid (Ketua)

Nur Atiqah Mohamed Hasham

Suhaiti Mohd

Che Ku Noor Fatimah Che Ku Ahmad

Mohd Hafiz Ismail

Contents

Introduction	31
SECTION A:	
Guidelines for Applications and Management of Research Grants	33
SECTION B:	
Principles and Practices of Research Ethics	37
SECTION C:	
Ethics in Research on Humans	45
SECTION D:	
Ethics in Research on Animals	47
Acknowledgements	57

GUIDELINES FOR RESEARCH ETHICS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

INTRODUCTION

